

ANALISIS PERAKAUNAN ZAKAT DI MALAYSIA

Nor Aini Ali*

Abstract

This article examines zakat accounting in Malaysia including both consensus and non-consensus wealth. The result implies that zakat should be expanded to the non-consensus wealth. The calculation of zakat should also be revalued according to the current necessities and standard of living.

PENDAHULUAN

Terdapat pelbagai jenis harta yang berkembang dan mendatangkan hasil yang lumayan pada zaman moden ini. Ia bertambah dengan banyaknya. Harta ini tidak terhad kepada emas, perak dan wang, pertanian, ternakan, perniagaan serta galian sahaja seperti yang ada pada zaman permulaan Islam. Tetapi, wujud harta-harta lain lagi seperti pendapatan dari hasil sewa, pendapatan penggajian, pendapatan profesional seperti pendapatan doktor, arkitek dan peguam serta pendapatan dari surat-surat berharga seperti saham dan bon. Harta-harta ini mendatangkan hasil yang banyak dan lumayan. Oleh sebab itu, harta-harta ini wajar dipertimbangkan untuk dikenakan zakat.

Di Malaysia, harta-harta tersebut telah dimasukkan dalam kategori harta yang dikenakan zakat. Walaupun begitu, tidak semua berpendapat harta tersebut perlu dibayar zakat. Ini kerana tiada nas yang *qaṭ'ī* yang mewajibkan zakat pada harta tersebut.

Artikel ini akan mengenalpasti amalan pengiraan zakat harta daripada sumber yang disepakati dan sumber yang *diikhṭilāf* tersebut di Malaysia dengan menggunakan kaedah nas *qaṭ'ī* dan *qiyās*. Penulis juga melihat kepada pendapat *ulamā'* terdahulu dan kontemporari berkenaan kewajipan zakat terhadap harta-harta tersebut.

* Pensyarah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

SUMBER-SUMBER ZAKAT

1) Zakat emas, perak dan wang

i) Zakat emas dan perak

Zakat diwajibkan ke atas emas dan perak apabila sampai nisab dan cukup haul. Kadar nisab emas 85 gram (20 dinar) dan perak pula 595 gram (200 dirham).¹

Jenis emas yang diwajibkan zakat:

1. Emas yang tidak dipakai yang bermaksud emas yang tidak digunakan atau dipakai walaupun sekali dalam tempoh setahun. Jika nilai emas yang dipakai menyamai atau melebihi 85 gram (nisab), maka zakat wajib dikeluarkan pada kadar 2.5%.²
2. Emas yang dipakai. Emas yang dipakai sekali sekala atau secara berterusan dalam tempoh setahun tidak wajib dikeluarkan zakat ke atasnya. Walau bagaimanapun, jika ia melebihi 'uruf, maka wajib dikeluarkan zakat dengan kadar 2.5% atas lebihan dari nilai 'uruf. Nilai yang diambilkira adalah nilai semasa emas sahaja dan tidak termasuk batu permata.³ Sebagai contoh, 'uruf pemakaian di Wilayah Persekutuan adalah RM6 500,⁴ Selangor 800 gram⁵, Pahang 200 gram⁶ dan Negeri Sembilan 850 gram.⁷

¹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2001), *Panduan Zakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 16. Menurut ulama' Ḥanafī, 200 dirham perak bersamaan 700 gram atau 642 gram menurut jumhur. Wahbah al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 2, c. 3. Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 759.

² Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2001), *op.cit.*, h. 14.

³ *Ibid. Ulamā'* berselisih pendapat tentang perhiasan emas dan perak yang dipakai oleh wanita. Ada sesetengah yang mewajibkan zakat pada kadar 2.5% dan sesetengah yang lain tidak mewajibkannya. Pendapat yang mewajibkan zakat ini bersumberkan daripada riwayat Sa'īd bin Musayib, Sa'īd bin Jabīr, 'Athā', Mujāhīd, 'Abdullāh bin Syadād, Jābir bin Zaid, Ibnu Syibramah, Maimun bin Mahrān, al-Zahrī, al-Thaurī, Abi Ḥanīfah, Awzā'ī dan Ḥasan bin Ḥayyī. Lihat Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *Fiqh al-Zakāt*, j. 1, c. 21. Qāhirah: Maktabah Wahbah, h. 310-311. Zakat emas yang dijadikan perhiasan ini diwajibkan apabila melebihi kebiasaan (seribu *mithqāl*). Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op.cit.*, h. 333-335. Tetapi, mengikut pendapat mazhab Syāfi'ī, perhiasan wanita yang melebihi had seperti mencapai 200 *mithqāl* (lebih kurang ½ kilogram) perlu dikenakan zakat.

⁴ Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan, <http://www.zakat.com.my/kalkulator/emas.html>, 27 Jun 2006.

⁵ Lembaga Zakat Selangor, <http://www.ezakat.com.my/kalkulator/emasperak.asp>, 27 Jun 2006.

⁶ Pusat Kutipan Zakat Pahang, <http://www.zakatpahang.com.my/TEmas.asp>, 28 Jun 2006.

⁷ Pusat Zakat Negeri Sembilan, <http://www.zakatns.com.my/bm/zakat/kalemas.htm>, 27 Jun 2006.

ii) Zakat wang

Wang merupakan harta cair yang boleh digunakan dalam hal pertukaran, ukuran nilai dan tabungan. Nisab zakat wang adalah 85 gram emas atau 595 gram perak dengan kadar zakat 2.5%.⁸

Di Malaysia, zakat wang simpanan dikira berdasarkan baki terendah jumlah simpanan sepanjang tempoh haul apabila cukup nisab. Baki terendah diambikira dalam pengiraan zakat kerana jumlah tersebut merupakan pemilikan sempurna penyimpan sepanjang tempoh haul.

2) Zakat pertanian

Hasil keluaran pertanian termasuk tanaman dan buah-buahan.⁹ Zakat pertanian dikeluarkan apabila cukup nisab. Jumhur *ulamā'* berpendapat bahawa nisab hasil pertanian adalah 5 *wasāq*.¹⁰

⁸ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op. cit.*, h. 118.

⁹ Mālik dan Syāfi'ī berpendapat bahawa zakat wajib ke atas segala makanan yang dimakan, disimpan, bijian dan buah-buahan kering seperti gandum, bijinya, jagung, padi dan sejenisnya. Lihat Muḥammad bin Aḥmad al-Dusūqī (1996), *Ḥāsyiat al-Dusūqī*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 30; Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Idrīs al-Syāfi'ī (2001), *al-Umm*, j. 2. Lubnān: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 260. Manakala Abu Ḥanīfah pula mewajibkan zakat kepada semua hasil tanaman yang mengeluarkan hasil termasuk buah-buahan dan sayur-sayuran kecuali kayu api, rumput dan tebu farsi. Lihat 'Alā' al-Dīn Abī Bakr bin Mas'ūd Al-Kāsānī (1998), *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, j. 2. Lubnān: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 178-179. Manakala *ulamā'* Ḥanbalī pula mengenakan zakat pada makanan yang kering, tahan dan boleh disukat. Zakat tidak dikenakan pada sayur-sayuran dan buah-buahan. Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op. cit.*, h. 378-383; ; h. 78-86.

¹⁰ Sebagaimana hadis Rasulullah yang bermaksud: "Tiada sedekah pada apa yang kurang dari 5 *wasāq*", Aḥmad bin 'Alī bin Hajar al- (1997), *Fathḥ al-Bārī Syarah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bab 56, no. hadis 1484, Urdun: Dar al-Risalah al-Hadithah.; lihat Muḥammad 'Aqal (1982), *Aḥkām al-Zakāt wa al-Ṣadaqah*. 'Amān: Maktabah al-Risalah al-Hadīth, h. 89-90. Menurut al-Khaṭīb al-Syarbīnī, 5 *wasāq* bersamaan dengan 1200 cupak. Lihat Syams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1997), *Mughnī al-Muḥtāj*, j. 1. Lubnān: Dār al-Ma'rīfah, h. 566. Manakala amalan di Kedah, 5 *wasāq* adalah bersamaan 363 gantang atau 1 300.49 kilogram, Jabatan Zakat Negeri Kedah, <http://www.zakatkedah.com/padi.asp>, 28 Jun 2005. Manakala amalan di Perlis pula, nisab zakat padi adalah 986.7 kilogram bersamaan RM542.69. Baitulmal Negeri Perlis, <http://www.perlis.gov.my/maips/ptggajizakat.htm>, 28 Jun 2005.

Majoriti sarjana Islam berpendapat bahawa kos pengeluaran mestilah ditanggung oleh petani dan nisab zakat dikira apabila ada hasil tanpa menolak kos pengeluaran terlebih dahulu.¹¹ Menurut mereka, Rasulullah s.a.w. telah membezakan kadar zakat pertanian mengikut jenis pengairan sebagaimana sabda baginda yang bermaksud:

“Apa yang disirami dengan air hujan atau air mata air atau tanaman itu mencari air dengan akarnya sendiri, zakatnya ialah 10% dan apa yang disirami dengan air yang diangkat, zakatnya ialah 5%.”

(Riwayat al-Bukhārī)¹²

Di Malaysia, tanaman yang dikenakan zakat pertanian hanyalah padi sahaja. Kaedah pengiraan zakat yang digunakan adalah dengan mendarabkan hasil kasar padi dengan 10% atau 7.5%¹³ atau 5% tanpa menolak kos-kos pengeluaran seperti baja, benih, upah membajak dan racun.

Oleh kerana kos-kos yang dibelanjakan untuk tanaman padi lebih banyak dan luas bukan sahaja kos pengairan, maka saya mencadangkan supaya mempertimbangkan perkara berikut dalam pengiraan zakat padi:

1. Kos pengeluaran perlu ditolak daripada hasil pertanian;¹⁴ dan
2. Kos sara hidup petani dan keluarga perlu ditolak.¹⁵

¹¹ Fakh al-Dīn ‘Uthmān bin ‘Alī al-Zaila‘ī (2000), *Tabayīn al-Haqā‘iq*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 102.

¹² Aḥmad bin ‘Alī bin Hajar al-Asqalānī (1997), *op.cit.* juz. 3, Kitāb al-Zakāt, Bab 55, no. hadis 1483.

¹³ Bagi tanaman yang menggunakan kedua-dua kaedah penyiraman semulajadi dan bukan semulajadi.

¹⁴ Ibn ‘Abbās dan Ibnu ‘Umar berpendapat semua kos pengeluaran perlu ditolak daripada pengiraan zakat jika kos dikeluarkan adalah dalam bentuk hutang. Malah Ibnu ‘Umar juga membenarkan tolakan untuk perbelanjaan sara hidup. Manakala mazhab ‘Athā’ pula berpendapat semua kos pengeluaran perlu ditolak daripada pengiraan zakat tanpa mengira sama ada petani berhutang atau tidak. Pendapat ini disokong oleh Ibnu al-‘Arabī dalam Syarh al-Tarmizī dengan bersandarkan kepada hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: “Apabila kalian sudah menaksir jumlah zakat pertanian, pungutlah dan tinggalkanlah sepertiga, jika tidak sepertiganya, tinggalkan seperempatnya.”, Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op.cit.*, h. 422-424. Kos siraman pula tidak ditolak kerana kadar zakat berbeza antara tanaman yang disiram dengan menggunakan tenaga manusia dan tanaman yang disiram dengan menggunakan air hujan. Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *ibid.*, h. 424-425.

¹⁵ Ibn ‘Umar berpendapat bahawa zakat dikira setelah ditolak kos pengeluaran pertanian dan kos sara hidup. Abū Muḥammad ‘Ābd Allah bin Aḥmad ‘Ibn Qudāmah (1997), *al-Mughnī*, j. 4. Riyād: Dār ‘Ālam al-Kutub, h. 265.

Ini bertepatan dengan sabda nabi s.a.w.:

“Apabila kalian sudah menaksir jumlah zakat pertanian, pungutlah dan tinggalkanlah sepertiga, jika tidak sepertiganya, tinggalkan seperempatnya.”

(Riwāyat Abū Dawūd)¹⁶

3) Zakat ternakan

Dalam *fiqh* Islam, binatang ternakan terbahagi kepada tiga kumpulan seperti berikut:

1. Binatang yang dipelihara untuk keperluan asas pemiliknya seperti binatang yang digunakan untuk membajak. Binatang ini dikecualikan daripada zakat kerana ia merupakan harta tetap;¹⁷
2. Binatang yang dikandang dan diberi makan dengan tujuan mendapatkan hasil daripadanya seperti lembu susu. Binatang ini dikenakan zakat *mustaghallat* kerana ia merupakan harta tetap yang mengeluarkan hasil;¹⁸ dan
3. Binatang yang digembala di padang rumput sepanjang tahun dengan tujuan pembiakan. Ia ditenak tanpa menggunakan modal yang banyak kerana binatang ini meragut di padang terbuka. Ternakan begini dikenakan zakat haiwan kerana ia dianggap harta berubah apabila cukup haulnya.¹⁹

Syarat-syarat zakat ternakan ialah:

1. Cukup nisab iaitu bagi lembu 30 ekor dan kambing 40 ekor;²⁰
2. Telah dimiliki selama setahun;²¹
3. Binatang itu dipelihara di padang ternakan bebas;²² dan
4. Tidak dipelihara untuk kepentingan pemiliknya seperti membajak, alat untuk mengambil air untuk tujuan menyiram tanaman dan alat pengangkutan.²³

¹⁶ Al-Imām al-Ḥafīẓ Abī Dawūd Sulaymān bin al-Asy‘as al-Sajastānī al-Azdī (1970), Sunan Abī Dawūd, al-Juz’u al-Awwal, Kitāb al-Zakāt, Bāb fī al-Khars (14), no. hadis 1605.

¹⁷ Muḥammad Kamāl ‘Aṭīyah (1988), *Perakaunan Zakat-Teori dan Praktis*. Mohd Nor Ngah (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h., h. 103.

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op. cit.*, h. 188.

²¹ *Ibid.*

²² Binatang yang dipelihara untuk mendapatkan susu, anak dan dagingnya yang digembala pada tempat pengembalaan terbuka pada sebahagian besar setahun. *Ibid.*, h. 189.

²³ *Ibid.*, h. 190.

Ternakan ini dikenakan zakat mengikut sifir yang diterangkan oleh hadis Rasulullah s.a.w. berikut:

1. Ternakan lembu

Hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

“Bahawa nabi s.a.w. mengutuskannya ke Yaman dan memerintahnya supaya mengambil zakat daripada 30 ekor lembu, seekor lembu jantan atau betina (tabī’atau tabī’ah) . Daripada 40 ekor, seekor lembu yang berumur 2 tahun (musinnah) atau harga yang menyamai pakaian ma’afir (pakaian yang dinisbahkan kepada satu kabilah di Yaman) .”

(Riwayat Abū Dāwūd)²⁴

2. Ternakan kambing

Hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

“.....Bagi kambing yang digembala setiap 40 ekor sehinggalah bilangannya 120 ekor, zakatnya seekor. Apabila lebih daripada 120 ekor hingga 200 ekor, zakatnya dua ekor, apabila lebih daripada 200 ekor sehingga 300 ekor, zakatnya tiga ekor, setelah bilangannya melebihi daripada 300 ekor, setiap tambahan 100 ekor, zakatnya seekor.....”

(Riwayat al-Bukhārī)²⁵

Jadual 1 di bawah merupakan sifir bagi zakat binatang ternakan yang digembala.

Jadual 1: Zakat binatang ternakan

Kambing		Lembu	
Bilangan	Kadar zakat	Bilangan	Kadar zakat
40-120	Seekor	30-39	Seekor <i>tabī’</i> atau <i>tabī’ah</i>
121-200	Dua ekor	40-59	<i>Seekor musinnah</i>
201-399	Tiga ekor	60-69	2 ekor <i>tabī’</i> atau <i>tabī’ah</i>
400-499	Empat ekor	Setiap tambahan	
Setiap tambahan 100 ekor, zakatnya seekor		30 ekor, zakatnya seekor <i>tabī’</i> atau <i>tabī’ah</i>	
		40 ekor, zakatnya seekor <i>musinnah</i>	
		<i>Tabī’</i> atau <i>tabī’ah</i> umurnya setahun dan <i>musinnah</i> umurnya 2 tahun	

Sumber: Muḥammad Kamal ‘Atiyah, *op.cit.*, h. 105; Yūsuf al-Qaraḍāwī, *op.cit.*, h. 213 & 224-225; Wahbah al-Zuhaylī, *op.cit.*, h. 837-844.

²⁴ al-Imām al-Ḥafīẓ Abī Dawūd Sulaymān bin al-Asy’as al-Sajastānī al-Azdī (1970), *op.cit.*, no. hadis 1576.

²⁵ Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-Asqalānī (1997), *op.cit.*, Bāb zakāt al-Ghanam (38), no. hadis 1454.

4) Zakat perniagaan

Zakat perniagaan ialah zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan sama ada berasaskan pembuatan, perlombongan, perikanan, perkapalan, pembekalan, pertanian, perkhidmatan atau sebagainya dengan tujuan untuk diperniagakan sama ada dalam bentuk perniagaan persendirian, perkongsian, syarikat dan koperasi.²⁶ Dalilnya sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, belanjakanlah sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu.....”

(Terjemahan sūrah al-Baqarah (2): 267)

Dalam mengira zakat perniagaan,²⁷ ada dua cara boleh digunakan iaitu:

1. Modal berkembang

Jumlah Harta Yang Dikenakan Zakat = Ekuiti Pemilik²⁸ + Liabiliti Jangka Panjang²⁹ – Aset Tetap³⁰ – Aset Bukan Semasa³¹ +/- Pelarasan³²

²⁶ Abū Muḥammad ‘Ābd Allah bin Aḥmad ‘Ibn Qudāmah (1997), *op. cit.*, h. 248-249.

²⁷ Zakat perniagaan dikira dengan mencampurkan modal, keuntungan, simpanan, akaun belum terima (yang pasti diterima pada tahun semasa), inventori akhir dan semua wang yang ada. Kemudian, dikeluarkan zakat pada kadar 2.5%. Lihat Yūsuf al-Qaraḏāwī (1994), *op. cit.*, h. 359-360.

²⁸ Ekuiti pemilik seperti modal saham, premium saham, rizab modal dan keuntungan terkumpul. Tuan Syed Mohd Ghazali Wafa bin Syed Adwam Wafa (2002), "Accounting on Business Zakat: Obligation for Assessment and Disclosure, Part 2- Zakat on Business" (Kertas Kerja Conference on Zakat Accounting di Hotel Hilton, Petaling Jaya, 15 Oktober 2002), h. 21 & 25.

²⁹ Liabiliti jangka panjang seperti pinjaman berjangka, cukai tertunda, ganjaran persaraan, pinjaman bertempoh, pemiutang pajakan dan keuntungan tertanggung, *Ibid.*, h. 25. Liabiliti jangka panjang merupakan hak dan kewajipan jangka panjang syarikat terhadap pemegang sahamnya atau orang lain termasuk modal berbayar awal tahun; keuntungan yang dibawa ke hadapan, keuntungan yang diagihkan, keuntungan bersih tahunan pada akhir tahun dan bantuan kerajaan yang diberikan untuk menurunkan harga barang; hutang yang diberikan oleh kakitangan atau pemilik syarikat pada awal tahun dan hutang yang didahulukan oleh pemegang saham; rizab dan peruntukan khas dan hutang yang perlu dibayar kerana pembesaran dan peluasan operasi yang sedang dijalankan, lihat Muḥammad Kamāl ‘Aṭīyah (1988), *op. cit.*, h. 136.

2. Modal kerja

$$\text{Jumlah Harta Yang Dikenakan Zakat} = \text{Aset Semasa}^{33} - \text{Liabiliti Semasa}^{34} \\ \text{+/- Pelarasan}^{35}$$

³⁰ Aset tetap seperti tanah, bangunan, perabot dan kenderaan. Aset-aset ini dikecualikan daripada zakat. Tuan Syed Mohd Ghazali Wafa bin Syed Adwam Wafa (2002), *op. cit.*, h. 24; lihat Muḥammad Kamāl ‘Aṭīyah (1988), *op. cit.*, h. 136; Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op. cit.*, h. 363.

³¹ Aset bukan semasa seperti syarikat subsidiari, pelaburan, penghutang perdagangan, paten dan perbelanjaan tertanggung, Tuan Syed Mohd Ghazali Wafa bin Syed Adwam Wafa (2002), *op. cit.*, h. 24.

³² Item daripada aset semasa yang perlu ditolak daripada taksiran zakat perniagaan seperti deposit tetap, penghutang ragu yang khusus, hasil belum terima, stok bahan mentah, bekalan pejabat, deposit utiliti, deposit pembelian aset, dana kebajikan dan skim kredit belum terima. Item-item daripada aset semasa yang perlu dicampur semula kepada aset semasa dan tertakluk kepada taksiran zakat seperti derma dari sumber dana operasi, pembelian aset tetap dan aset bukan semasa dengan menggunakan dana operasi dalaman. Manakala item-item daripada liabiliti semasa yang dibenarkan tolakan seperti pemiutang perdagangan, liabiliti pelbagai belanja terakru, cukai perniagaan semasa dan lain-lain liabiliti operasi semasa. Item-item daripada liabiliti semasa yang perlu dicampur semula seperti pinjaman dari pihak lain, deposit diterima, prabayar-prabayar yang diterima, liabiliti tertunggak dari liabiliti operasi dan liabiliti kewangan untuk tahun hadapan. Tuan Syed Mohd Ghazali Wafa bin Syed Adwam Wafa (2002), *op. cit.*, h. 27-29.

³³ Aset semasa yang dikenakan zakat adalah tunai di tangan/ bank, penghutang perdagangan, stok niaga, pelaburan jangka pendek, tunai, deposit tetap/ akaun pelaburan di bank. Mohd Ghazali Wafa bin Syed Adwam Wafa (2002), *op. cit.*, h. 24. Aset semasa ini dikenakan zakat mengikut harga pasaran pada waktu zakat hendak dikeluarkan. Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op. cit.*, h. 363-364; Muḥammad ‘Aqal (1982), *op. cit.*, h. 131-133.

³⁴ Liabiliti semasa seperti pemiutang perdagangan, belanja terakru, overdraf, sewa beli dan dividen. Mohd Ghazali Wafa bin Syed Adwam Wafa (2002), *op. cit.*, h. 24-25; Muḥammad Kamāl ‘Aṭīyah (1988), *op. cit.*, h. 137; Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op. cit.*, h. 359-360.

³⁵ Pelarasan untuk aset semasa dan liabiliti semasa sama seperti menggunakan kaedah modal berkembang.

5) Zakat ma'din³⁶, kunuz³⁷ dan rikāz³⁸

Harta galian, simpanan jahiliyah dan harta karun wajib dikeluarkan zakat sama ada yang diperolehi di darat atau di laut, bahan pepejal atau cecair, boleh ditempa atau tidak seperti minyak dan gas. Benda-benda terpendam juga termasuk pelbagai jenis harta yang disimpan oleh orang-orang dahulu di dalam tanah seperti emas, perak, tembaga dan pundi-pundi berharga.³⁹ Nisab harta-harta ini adalah 85 gram bagi emas dan 595 gram bagi perak atau senilai dengannya mengikut harga pasaran.⁴⁰ Harta-harta ini tidak disyaratkan cukup haul bahkan wajib dikeluarkan terus sesudah ditapis dan dibersihkan.

Kadar zakat harta rikaz sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

“.....Zakat harta rikāz ialah 1/5”

(Riwayat al-Bukhārī)⁴¹

Perkara yang perlu dipertimbangkan dalam pengiraan zakat harta-harta ini adalah:

- 1) Kalau harta tersebut dikeluarkan tanpa kos atau usaha, zakatnya 20% tetapi kalau menggunakan kos atau usaha yang besar, zakatnya 10%;⁴²

³⁶ Menurut Ibnu Qudāmah, ma'din adalah apa yang dikeluarkan dari perut bumi yang terbentuk dari benda lain tetapi berharga seperti emas, perak, timah, besi, intan, batu permata dan minyak. Abū Muḥammad 'Ābd Allah bin Aḥmad 'Ibn Qudāmah (1997), *op.cit.*, h. 238-239. Dapat dirumuskan bahawa ma'din ialah benda yang dikeluarkan dari perut bumi sama ada dalam bentuk pepejal dan cecair yang dikenali sebagai galian. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2001), *op.cit.*, h. 85.

³⁷ Kunuz ialah bentuk harta yang tertimbus oleh perbuatan manusia atau kejadian alam yang dikenali sebagai perbendaharaan lama. Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op.cit.*, h. 423; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2001), *op.cit.*, h. 85.

³⁸ Rikāz adalah harta terpendam pada zaman jahiliyah. Abū Ḥanīfah memberi pengertian yang sama antara rikāz dengan ma'adin. Abī 'Abīd al-Qāsim bin Salām (1988), *Kitāb al-Amwāl*. Beirut: Dār al-Fikr, h. 421; Abū Muḥammad 'Ābd Allah bin Aḥmad 'Ibn Qudāmah (1997), *op.cit.*, h. 231; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *op.cit.*, h. 85.

³⁹ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op.cit.*, h. 465; Muḥammad 'Aqal (1982), *op.cit.*, h. 134-135.

⁴⁰ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op.cit.*, h. 479.

⁴¹ Aḥmad bin 'Alī bin Hajar al-Asqalānī (1997), *op.cit.*, Bab 66, no. hadis 1499.

⁴² al-Rāfi'i daripada mazhab al-Syāfi'i berpendapat kadar zakat hasil perlombongan bergantung kepada setakat mana usaha yang dilakukan untuk memperolehi hasil tersebut. Begitu juga dengan hasil laut. Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op.cit.*, h. 477. Manakala Abu 'Ubāyd di dalam al-Amwāl pula menetapkan kadar zakat hasil keluaran laut dan benda yang terpendam ialah 20% (1/5). Abī 'Abīd al-Qāsim bin Salām (1988), *op.cit.*, h. 432-433; Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op.cit.*, h. 477. Manakala Ibnu 'Abbās tidak mewajibkan zakat ke atas hasil keluaran laut. Abū Muḥammad 'Ābd Allah bin Aḥmad 'Ibn Qudāmah (1997), *op.cit.*, h. 244.

- 2) Kalau individu atau syarikat diberi konsesi khas bagi miliknya, zakat yang dikenakan kepada pengusaha itu dengan kadar 2.5%. Kadar ini menyamai kadar zakat perniagaan dan dikira berdasarkan nilai harta yang dikeluarkan serta modalnya.⁴³

6) Zakat pendapatan yang berkembang

Pendapatan berkembang adalah kekayaan yang wajib zakat bukan kepada harta itu sendiri tetapi zakat diwajibkan ke atas hasil harta tersebut disebabkan ia mengalami pertumbuhan yang memberikan hasil kepada pemiliknya seperti hasil sewa bangunan dan sewa kereta di mana pemiliknya mendapat faedah secara terus dengan menyewakan harta tersebut.⁴⁴

Perkara yang perlu pertimbangkan adalah:

1. Kadar zakat adalah 10% dan 5%;⁴⁵
2. Nisabnya adalah 85 gram emas atau nilai yang bersamaan dengannya mengikut harga pasaran;⁴⁶
3. Zakat berdasarkan haul iaitu pendapatan bulanan atau satu musim dicampur dalam satu-satu tahun jika cukup nisab bagi tahun itu barulah dikeluarkan zakat;⁴⁷
4. Kos langsung atau tidak langsung termasuk hutang boleh ditolak daripada pendapatan kasar;⁴⁸ dan
5. Belanja sara hidup yang sesuai boleh ditolak.⁴⁹

⁴³ Pendapat yang menyokong kadar ini adalah Mālik dan al-Syafi'ī. Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op. cit.*, h. 477.

⁴⁴ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op. cit.*, h. 490; Muḥammad Kamāl 'Aṭīyah (1988), *op. cit.*, h. 44.

⁴⁵ Ini merupakan pendapat mutakhir yang didokong oleh Abū Zahra, 'Abdu al-Wahāb Khallāf dan Abd al-Raḥman Ḥasan. Mereka menqiyāskan kepada zakat pertanian. Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994) pula berpendapat zakat *al-mustaghallāt* ialah 10% daripada pendapatan bersih dan 5% daripada pendapatan kasar, Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op. cit.*, 511-512. Manakala ulama fikah *sunni* dan syiah berpendapat kadar zakatnya adalah 2.5% bersandarkan kepada zakat perniagaan. Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op. cit.*, h. 508-509; Muḥammad 'Aqal (1982), *op. cit.*, h. 154-156.

⁴⁶ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op. cit.*, h. 515.

⁴⁷ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *ibid.*, h. 515-516; Muḥammad Kamāl 'Aṭīyah (1988), *op. cit.*, h. 45.

⁴⁸ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op. cit.*, h. 516-517; Muḥammad Kamāl 'Aṭīyah (1988), *op. cit.*, h. 46.

⁴⁹ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op. cit.*, h. 517-518; Muḥammad Kamāl 'Aṭīyah (1988), *op. cit.*, h. 69

7) Zakat pendapatan

Pendapatan merupakan perolehan yang merangkumi:

1. Pendapatan bebas merupakan pendapatan seseorang melalui sesuatu kerja atau usaha kepakaran atau perkhidmatan yang dikerjakan sendiri tanpa bergantung kepada orang lain atau disebut juga keuntungan daripada pekerjaan bukan perniagaan. Ia adalah imbalan daripada usaha yang berbentuk fizikal atau berbentuk akal fikiran. Pendapatan dengan cara ini merupakan pendapatan profesional seperti pendapatan doktor swasta, jurutera, arkitek dan peguam.⁵⁰
2. Pendapatan gaji merupakan upah atau pendapatan yang diperolehi kerana membuat sesuatu kerja kepada pihak lain seperti kerajaan, swasta dan orang perseorangan.⁵¹

Pendapatan-pendapatan ini tertakluk kepada zakat wang dengan kadar 2.5% daripada jumlah pendapatan selepas ditolak kos keperluan asasi⁵² dan bakinya cukup nisab.⁵³ Mengenai kadar keperluan asasi pula, ia boleh ditaksir mengikut bilangan orang dalam keluarga. Kadar ini juga tertakluk kepada kedudukan pembayar zakat itu, keadaan persekitaran atau mengikut kadar yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang menetapkan kadar zakat. Pihak pemerintah boleh menetapkan angka tertentu yang menggambarkan kos sara hidup di samping mengambilkira suasana sekeliling, bebanan keluarga dan taraf kehidupan pembayar zakat. Kadar yang ditetapkan itu mestilah diwajibkan.⁵⁴

Melihat kepada aplikasi di Malaysia, kadar zakat pendapatan adalah 2.5%. Terdapat tiga kaedah pengiraan zakat pendapatan iaitu:

1. Pendapatan kasar;
2. Pendapatan bersih dengan tolakan yang dibenarkan;⁵⁵ dan
3. Pendapatan bersih dengan tolakan yang sebenar.

⁵⁰ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op.cit.*, h. 519; Muḥammad Kamāl ‘Aṭīyah (1988), *op.cit.*, h. 69.

⁵¹ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op.cit.*, h. 519.

⁵² Ini merupakan pendapat ‘Aṭā’. Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *Ibid.*, h. 549-550.

⁵³ Nisab zakat pendapatan ialah 85 gram emas atau yang senilai dengannya mengikut harga pasaran.

⁵⁴ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *op.cit.*, h. 549-550.; Muḥammad Kamāl ‘Aṭīyah (1988), *op.cit.*, h. 125.

⁵⁵ Muḥamad Kamāl ‘Aṭīyah (1988) membenarkan tolakan kos yang perlu, keperluan asasi dan hutang. Muḥammad Kamāl ‘Aṭīyah (1988), *op.cit.*, h. 69. Di Malaysia, tolakan yang dibenarkan untuk tempoh setahun adalah diri sendiri RM8 000, isteri RM3 000 seorang,

Mujaini Tarimin mencadangkan kadar baru bagi zakat pendapatan iaitu 5% bagi pendapatan gaji dan ahli profesional dan 10% bagi pendapatan pindahan iaitu pendapatan dari sumber pencen, hadiah, warisan, wasiat dan subsidi.⁵⁶

8) Pendapatan dari surat-surat berharga

Surat-surat berharga ini termasuklah saham dan bon. Saham dan bon⁵⁷ merupakan surat berharga yang berlaku dalam transaksi perdagangan yang khusus yang disebut “bursa surat-surat berharga.”⁵⁸ Ia juga bermaksud sijil saham, bon sijil pelaburan, saham bonus dan surat-surat yang mempunyai nilai wang dan nilai harganya berubah mengikut harga pasaran di pasar yang dikhaskan untuk perniagaan.⁵⁹ Terdapat perbezaan antara saham dan bon. Saham merupakan bahagian kekayaan bank dan perusahaan sedangkan bon merupakan pinjaman kepada perusahaan, bank atau pemerintah.⁶⁰

Di Malaysia, zakat saham dikira berdasarkan nilai terendah sepanjang tempoh haul jika saham tidak dijualbeli sepanjang tempoh haul. Tetapi, jika saham diniagakan, maka zakat dikira berdasarkan keuntungan.⁶¹

anak RM 1 000 seorang, jumlah pemberian kepada ibu bapa dan sesiapa yang di bawah tanggungan seperti adik-beradik, anak tiri dan orang gaji (tiada had), jumlah yang dicarum di institusi yang telah membayar zakat seperti Lembaga Tabung Haji dan Syarikat Takaful (tiada had) serta jumlah caruman di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman di KWSP ditolak kerana wang tersebut masih belum menjadi milik sempurna si pencarum, tetapi perlu dibayar zakat apabila betul-betul menjadi milik sepenuhnya. Pusat Zakat Selangor, <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator/pendapatan.asp>, 27 Jun 2005; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2001), *op.cit.*, h. 97.

⁵⁶ Mujaini Tarimin (1999), *Zakat Pendapatan: Hukum dan Persoalannya*. Kuala Lumpur: Khaisha Services Sdn. Bhd., h. 140-141. Muḥammad Kamāl ‘Aṭīyah (1988) juga menetapkan kadar zakat pendapatan adalah 5% kerana gabungan modal dan usaha. Muḥammad Kamāl ‘Aṭīyah (1988), *op.cit.*, h. 70.

⁵⁷ Bon Islam adalah satu perjanjian pinjaman berbentuk sijil yang mengandungi butiran tentang nilai tara bon, kadar kupon bon, tarikh matang dan lain-lain. Bagi bon Islam, ia perlu diasaskan dengan barangan fizikal yang mempunyai nilai benar kerana sijil bon semata-mata hanyalah kertas perjanjian dan dengan itu tidak mempunyai nilai instrinsik. Saiful Azhar Rosly (1997), “Bon Islam”, *Dataniaga*, Feb 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 45.

⁵⁸ Yūsuf al-Qaraḏāwī (1994), *op.cit.*, h. 553.

⁵⁹ Muḥammad Kamāl ‘Aṭīyah (1988), *op.cit.*, h. 73; lihat Muḥammad ‘Aqal (1982), *op.cit.*, h. 157-159.

⁶⁰ Yūsuf al-Qaraḏāwī (1994), *op.cit.*, h. 553-554.

⁶¹ http://www.e-zakat.com.my/baru/k-zakat/kalkulator_saham.asp, 26 Disember 2006.

KESIMPULAN

Secara ringkasnya perbincangan ini boleh dirumuskan seperti berikut:

1. Zakat pertanian perlu diperluaskan kepada tanaman selain padi seperti kelapa sawit, getah dan koko yang memberikan pulangan yang lebih tinggi. Pengiraan bagi zakat padi pula perlu dikira berdasarkan kepada hasil bersih bukannya hasil kasar seperti amalan sekarang ini.
2. 'Uruf pemakaian emas pula perlu dilihat semula kerana wujud pelbagai nilai bagi 'uruf pemakaian emas bagi negeri-negeri di Malaysia. Saya cadangkan supaya ditetapkan suatu nilai yang standard bagi mengelakkan pembayar zakat terkeliru dan tertanya-tanya.
3. Kadar zakat pendapatan perlu dilihat semula sama ada dikekalkan 2.5% atau dikenakan kadar yang baru seperti 5% atau 10%. Di samping itu, kaedah jumlah tolakan yang dibenarkan perlu dikaji semula memandangkan kos sara hidup di bandar dan luar bandar tidak sama.
4. Pihak-pihak yang terbabit perlu memberi pendedahan yang secukupnya kepada masyarakat supaya mereka faham dan menyedari kepentingan kewajipan zakat terutama bagi sumber zakat yang *diikhtilāf*.

